



**PEMACU
INTELEK**



PERBINCANGAN TERARAH

Program	Latihan Penghakupayaan Penyelidikan (LEAP) Siri 3: Kemahiran Advokasi dan Mekanisme Hak Asasi Manusia Antarabangsa untuk Organisasi Masyarakat Sipil Islam (ICSO)
Tarikh	28 Mac 2022 (Isnin); 7:30 PM - 9:00 PM
Tempat	Hotel Promenade, Kota Kinabalu, Sabah
Platform	Fizikal

ISI KANDUNGAN

1. Informasi Program
2. Agenda Program
3. Laporan Program
4. Gambar Semasa Program

1. INFORMASI PROGRAM (I)

PERKARA	PERINCIAN
Tajuk Program	Latihan Penghakupayaan Penyelidikan (LEAP) Siri 3: Kemahiran Advokasi dan Mekanisme Hak Asasi Manusia Antarabangsa untuk Organisasi Masyarakat Sivil Islam (ICSO)
Pengenalan	<p>Institut Masa Depan Malaysia (MASA) akan berperanan sebagai narasumber penyelidikan bagi suatu siri latihan yang dianjurkan <i>Centre For Human Rights Research and Advocacy</i> (CENTHRA). Leap Siri 3 ini merupakan kesinambungan daripada LEAP Siri 1 dan LEAP Siri 2 yang telah dijalankan pada Disember 2021 dan Januari 2022.</p> <p>Latihan ini yang akan memberi fokus kepada kemahiran advokasi serta mekanisme hak asasi manusia antarabangsa, bertujuan melatih para penyelidik di kalangan ahli akademik, aktivis serta pemimpin ICSO mengenai kemahiran advokasi dan mekanisme hak asasi manusia antarabangsa.</p> <p>Dalam memfokus penyelidikan isu-isu berkaitan hak-hak Sivil dan Politik (<i>Civil & Political Rights</i>) dan Hak-hak Ekonomi, Budaya dan Sosial (<i>Economic, Cultural & Social Rights</i>), Institut Masa Depan Malaysia berbesar hati dapat menyumbang ke arah menghasilkan penyelidikan berkualiti dalam bidang-bidang kritikal berkaitan hak asasi manusia dan Matlamat Pembangunan Mapan (SDG 2030). Siri LEAP ini turut mendapat sokongan daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).</p>
Objektif program	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mewujudkan platform bagi pertukaran dan perkongsian idea antara peserta-peserta yang terbabit dalam perbincangan ini; 2. Menggalakkan penyertaan lebih aktif dan terus pihak-pihak berkaitan; dan 3. Mewujudkan peluang kerjasama pintar antara pihak yang terlibat dalam perbincangan terarah ini.

1. INFORMASI PROGRAM (II)

PERKARA	KETERANGAN
Platform	Fizikal
Tarikh	28 Mac 2022 (Isnin)
Masa	7:30 PM - 9:00 PM
Lokasi	Hotel Promenade, Kota Kinabalu, Sabah
Maklumat Kehadiran	10 orang yang terdiri daripada wakil MASA, pakar bidang dan penyelidik dari universiti, aktivis dan pemimpin-pemimpin Organisasi Masyarakat Sivil Islam (ICSO)

2. AGENDA PROGRAM

MASA	TENTATIF PROGRAM
9:00 AM	Ketibaan peserta
9:05 AM	Kata alu-aluan oleh YBrs. Encik Azril Mohd Amin, Ketua Pegawai Eksekutif MASA
9:10 PM	Sesi perbincangan
1:00 PM	Sesi perbincangan tamat dan bersurai

3. LAPORAN PROGRAM

Sesi Latihan Penghakupayaan Penyelidikan (LEAP) (Siri 3): Kemahiran Advokasi dan Mekanisme Hak Asasi Manusia Antarabangsa untuk Organisasi Masyarakat Sivil Islam (ICSO), yang berlangsung di Hotel Promenade, Kota Kinabalu, Sabah pada 28 Mac 2022 dari jam 7:30 PM hingga 9:00 PM telah berjaya dijalankan dengan sokongan Institut Masa Depan Malaysia (MASA).

Seramai 10 peserta dari pelbagai latar belakang hadir untuk memperoleh kemahiran penyelidikan berkaitan advokasi hak asasi manusia; hak-hak sivil & politik, hak hak ekonomi, sosial dan budaya serta Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 2030) berdasarkan mekanisme Semakan Berkala Sejangat (UPR).

Sesi LEAP ini merupakan kesinambungan daripada usaha yang telah dimulakan sejak tahun 2013 dan ia telah mendapat sokongan daripada pelbagai pihak, khususnya Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), rakan-rakan akademik serta pemimpin organisasi masyarakat sivil Islam.

MASA berharap para peserta mendapat manfaat daripada sesi latihan dan kerjasama ini, sebagai persiapan menjelang pusing keempat UPR dalam masa dua tahun akan datang.

4. GAMBAR SEMASA PROGRAM (I)



4. GAMBAR SEMASA PROGRAM (II)





INSTITUT MASA
DEPAN MAI ΔΥΣΙΑ



#MAKMURBERSAMA

- INSTITUTMASA.COM
- info@institutmasa.com